

28 OCT 1999

BELANJAWAN-PREBIU

BELANJAWAN 2000 DIJANGKA MENGANDUNGI PEMBERIAN BESAR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Dengan hanya sehari sahaja lagi pembentangan Belanjawan yang kelihatan mesra rakyat bagi tahun depan, rakyat Malaysia bersiap sedia untuk menerima pemberian yang besar, bermula dengan lebih 880,000 anggota kerajaan yang menjangkakan pembayaran bonus.

Kerajaan yang sentiasa mengamalkan strategi pro-perniagaan, dijangka terus membentangkan Belanjawan pengembangan dan berorientasikan pelabur bagi rangka tindakan pembangunan dan kewangan tahun depan.

Belanjawan yang akan dibentangkan oleh Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin ini, merupakan belanjawan pertama menteri itu setelah meninggalkan Kabinet beberapa tahun lalu. Belanjawan 1999 telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga memegang portfolio kewangan ketika itu.

Ketika mengkaji apa yang akan diumumkan esok, perunding cukai Yong Poh Chye berkata belanjawan kali ini mungkin mengandungi pengurangan cukai korporat daripada 28 peratus kepada 26 peratus bagi menjana pelaburan tempatan dan asing yang amat penting bagi pemulihan ekonomi.

Katanya, ada kemungkinan bahawa kerajaan akan memperluaskan skop bagi elaun pelaburan semula dan potongan bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) melalui subsidi.

Mungkin juga diumumkan lebih banyak geran R&D serta kemudahan prasarana bagi sektor pertanian, khususnya dalam meningkatkan pengeluaran makanan.

Bagi memasti dan meningkatkan kesejahteraan sosial rakyat Malaysia, kerajaan mungkin memberikan pengurangan dua peratus cukai persendirian bagi orang perseorangan.

Ini bererti RM5,000 pertama pendapatan boleh cukai melebihi daripada RM150,000 akan dikenakan cukai pada kadar 28 peratus daripada 30 peratus (yang dikenakan sejak tahun taksiran 1996).

"Lebih baik lagi, kerajaan mungkin mempertimbangkan untuk mengurangkan kadar cukai peribadi maksimum kepada 26 peratus sejajar dengan cadangan kadar cukai korporat sebanyak 26 peratus," kata Yong.

Atau kerajaan mungkin, mempertimbangkan untuk meningkatkan pelepasan peribadi bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pembayaran premium insurans daripada RM5,000 kepada RM7,000 setiap seorang bagi suami dan isteri.

"Pembayaran faedah gadai janji juga mungkin ditolak cukai tertakluk kepada jumlah maksimum RM5,000 bagi setiap keluarga," katanya.

Cukai Keuntungan Harta Sebenar (RPGT) ke atas keuntungan daripada penjualan harga bagi orang perseorangan Malaysia mungkin dikurangkan masing-masing daripada 30 peratus, 20 peratus dan 15 peratus kepada 20, 15 dan 10 peratus, tertakluk kepada tempoh pegangan harta-harta tersebut.

Kadar RPGT ke atas keuntungan daripada penjualan harta bagi bukan warga negara dan bukan pemastautin mungkin juga dikurangkan kepada 30 peratus yang diterima pakai bagi warga negara Malaysia dan pemastautin.

Katanya, ini akan mengubah kadar percukaian kepada kadar yang diterima pakai sebelum 27 Okt, 1995.

Kesemua insentif ini beserta pengecualian cukai ke atas pendapatan tahun 1999 dan pengecualian lebih tinggi bagi cukai jualan daripada RM100,000 (yang dikenakan sejak 1972 apabila cukai jualan mula diperkenalkan) kepada RM300,000 akan meningkatkan perbelanjaan pendapatan dan membantu dalam proses pemulihan.

Tidak kurang pentingnya ialah langkah-langkah cukai baru yang akan

memberi manfaat kepada sektor pembuatan dan teknologi maklumat, kata Yong, yang merupakan pengarah eksekutif Tax Advisory and Management Services Sdn Bhd.

Sejajar dengan pelan induk 10 tahun bagi keseluruhan sektor kewangan (2000-2010), katanya kerajaan akan memberi galakan-galakan baru seperti pengecualian cukai setem dan cukai keuntungan harta sebenar akan dilanjutkan ke akhir tahun 2000 dan kredit dan keanjalan cukai untuk mendorong pengukuhan industri perbankan, insurans dan pembrokeran saham.

"Malaysia mungkin membenarkan syarikat-syarikat insurans dan tabung amanah saham asing memasuki pasaran tempatan lebih awal daripada tahun 2003 yang ditetapkan," katanya.

Bagi memperkukuhkan imbangan pembayaran, kerajaan mungkin mengecualikan cukai kiriman wang dari luar negara yang diterima oleh orang-orang perseorangan yang bermastautin di negara ini, serta menjadikan Malaysia pusat serantau bagi pendidikan tinggi dengan memberikan insentif selanjutnya kepada kolej dan universiti.

Untuk menjadi Malaysia sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan, kata Yong, galakan-galakan akan diberikan kepada usahawan-usahawan tempatan, khususnya industri kecil dan sederhana, untuk melaksanakan langkah-langkah pemodenan dan agar berorientasikan IT.

"E-dagang akan membolehkan mereka menjangkau pasaran global dengan lebih cepat pada kos yang lebih rendah. Lama kelamaan, IKS Malaysia boleh membekalkan barangan perantara nilai ditambah yang lebih tinggi melalui penyumbaran tempatan," katanya.

Kata Yong dengan pelaksanaan perjanjian penilaian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang dijangkakan, mungkin berlaku sedikit kerugian dari segi pendapatan cukai, tetapi ini boleh diimbangi dengan tambahan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditetapkan di bawah cukai perkhidmatan.

Selanjutnya, kerajaan mungkin menyusun semula tahap-tahap nilai ambang (RM500,000, RM300,000 malah juga RM150,000) bagi cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ditentukan.

"Walaupun kita sedang pulih, namun kita masih belum mencapai tahap sebelum krisis dahulu. Tambahan pula, ada kemungkinan berlaku kelembapan mendadak prestasi ekonomi Amerika Syarikat dan kebimbangan bahawa pemulihan ekonomi Jepun tidak dapat dikekalkan.

"Dengan demikian, perbelanjaan yang lebih besar bagi prasarana akan menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi kita di samping subsidi, pengurangan cukai dan insentif yang telah dicadangkan oleh kerajaan," tegasnya.

Memandangkan kesan buruk krisis kewangan baru-baru ini, Yong berkata semua langkah galakan cukai yang terkandung dalam Belanjawan 2000 akan membantu mempertingkatkan lagi ketahanan dan daya saingan ekonomi negara.

Katanya ia akan melibatkan penyusunan semula sektor kewangan dan meningkatkan pentadbiran dalam sektor swasta dan awam, memperkukuhkan lagi imbangan pembayaran dan memastikan kesejahteraan sosial rakyat.

-- BERNAMA

MR KY MA